

GARIS PANDUAN PENGIKTIRAFAN KERTAS PEMBENTANGAN PENYELIDIKAN

JABATAN PENGAJIAN POLITEKNIK

OBJEKTIF

Garis panduan ini diterbitkan bagi memberi panduan mengenai pelaksanaan pembentangan dan pelaksanaan proses "*peer review*" yang bertujuan untuk menjamin kualiti bahawa kertas pembentangan penyelidikan yang dihasilkan mencapai kualiti dan standard yang ditetapkan. Garis panduan ini hanya digunapakai bagi pembentangan di peringkat zon, politeknik, dan jabatan di politeknik.

Walau bagaimanapun, garis panduan bagi pelaksanaan proses "*peer review*" tidak diaplikasi kepada kertas kerja kajian atau penyelidikan yang telah dibentangkan dan seterusnya diterbitkan dalam jurnal, monograf, buku, diges, prosiding sama ada di politeknik atau institusi lain. Pembentangan sebegini diterima sebagai telah melalui proses "*peer review*" dan bukti penerbitan boleh dikemukakan semasa validasi.

DEFINISI "PEER REVIEW"

"*Peer Review*" membawa maksud penilaian yang dilakukan oleh pakar dalam bidang kajian bagi aspek format penulisan ilmiah mengikut peraturan dan standard yang ditetapkan bagi menjamin kualiti, keesahan dan kebolehpercayaan sesuatu kajian.

SYARAT DAN PERATURAN "PEER REVIEW"

1. Semua pembentangan di peringkat zon, politeknik, dan jabatan politeknik (yang tidak diterbitkan dalam jurnal, monograf, buku, diges, prosiding di politeknik atau di institusi lain) perlu melalui proses "*peer review*".
2. **Dua (2) orang** panel penilai perlu menyemak dan mengesahkan keesahan dan kebolehpercayaan kertas pembentangan sebelum dianugerahkan sebarang bukti seperti sijil atau dokumen penilaian.
3. Sijil atau dokumen bukti akan dikeluarkan oleh Unit Penyelidikan dan Inovasi politeknik masing-masing yang ditandatangani oleh Ketua Pengarah, Pengarah, PPPP, Pengarah Politeknik, Timbalan Pengarah atau Ketua Unit Penyelidikan dan Inovasi sebagaimana bersesuaian dengan peringkat pembentangan.

4. **Dua (2) orang** panel penilai perlu mengesahkan kertas penerbitan penyelidikan dalam **borang penilaian yang dilampirkan**. Sila rujuk contoh borang yang dilampirkan.
5. "Peer Review" kertas pembentangan hendaklah dilaksanakan oleh panel "peer review" yang memenuhi syarat berikut:
 - **Panel 1.** Memiliki kelulusan Sarjana atau PhD dalam bidang yang dinilai dari politeknik itu sendiri atau politeknik berdekatan.
 - **Panel 2.** Ketua Unit Penyelidikan di Politeknik / Ketua Jabatan / Pegawai PPPP.

SYARAT PEMBENTANGAN

1. Pembentangan bagi peringkat jabatan, politeknik dan zon dibenarkan **tidak melebihi daripada tiga (3) orang** pembentang dan dianugerahkan sijil.
2. Pembentangan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa hanya dibenarkan **seorang pembentang sahaja**.

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. Sila rujuk contoh borang penilaian (*Reviewer Evaluation*) di Lampiran 1.
2. Sijil pembentangan akan dibekalkan oleh Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Politeknik kepada Ketua Unit Penyelidikan di politeknik masing-masing.
3. PPPT juga boleh muat turun garis panduan dan borang penilaian dari Portal Penyelidikan Jabatan Pengajian Politeknik, KPT.

Disediakan oleh;

(En. Saifuddin Kumar bin Abdullah)
Penolong Pengarah Kanan
Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Politeknik

DEPARTMENT OF POLYTECHNIC EDUCATION

RESEARCH AND POLYTECHNIC DEVELOPMENT CENTER

Reviewer Evaluation**PART A: *Editorial Office Only*****SECTION I**

Reviewer's Name:	
E-Mail:	
Manuscript Number:	
Title:	
Authors:	
Date Sent	
Date Expected	

PART B: *Reviewer Only***SECTION II: Comments per Section of Manuscript**

<i>General comment:</i>	
-------------------------	--

Introduction:	
Methodology:	
Results:	
Discussion:	

SECTION II (Cont.)

Bibliography/References:	
Others:	
Decision:	

SECTION III - Please rate the following: (1 = Excellent) (2 = Good) (3 = Fair) (4 = Poor)

Originality:	
Contribution To The Field:	
Technical Quality:	
Clarity Of Presentation :	
Depth Of Research:	

SECTION IV - Recommendation: (Kindly Mark With An X)

Accept As Is:	
Requires Minor Corrections:	
Requires Moderate Revision:	
Requires Major Revision:	
Submit To Another Publication Such As:	
Reject On Grounds Of (Please Be Specific):	

SECTION V: Additional Comments

Please add any additional comments (Including comments/suggestions regarding online supplementary materials, if any):

Signature of Evaluator: **Date:**

Full Name: **Official Stamp:**